

Pasukan Silat Singapura akan berlepas ke Bali, Indonesia, Jumaat depan bagi Kejoohan Pencak Silat Sedunia ke-17 dan Festival Seni 2016. Sekitar 30 pesilat negara akan menunjukkan kehebatan mereka dalam kejohanan dunia silat ini. Namun empat pesilat nasional menjadi harapan negara untuk merebut takhta juara dunia dalam kategori yang bakal mereka tandangi. Ikuti laporan FAKHRURAZDI ISMAIL (mfismat@sph.com.sg) yang menjejak persediaan pesilat negara menjelang kejohanan itu.

Kecewa lalu jadi pendorong Shakir mahu jadi juara dunia lagi



SEMANGAT MEMBARA: Shakir ingin menebus kembali kekalahan yang dialami pada kejohanan dunia yang lalu dan kini ingin merebut kembali gelaran juara dunia.
— Foto-foto FAKHRURAZDI ISMAIL

KEKECEWAAN yang dirasakan pada Kejoohan Pencak Silat Sedunia di Phuket, Thailand, Januari tahun lalu hanya menjadi satu sejarah buat bekas juara dunia, Muhammad Shakir Juanda.

Beliau tewas 1-4 kepada pesilat Indonesia, Tri Juanda Samsul Bahar, di peringkat separuh akhir Kelas H (80-85 kg) – satu keputusan yang mengejutkan meskipun menjadi harapan negara untuk merangkul pingat emas ketika itu.

Namun, kekalahan itu tidak akan menjadi penghalang bagi beliau untuk terus membuktikan keunggulannya di gelanggang.

Kini dengan semangat dan azam mahu merebut kembali takhta juara, Shakir, 28 tahun, yakin akan dapat

mencapai matlamat itu apabila kembali bertanding di kejohanan yang akan berlangsung di Bali, Indonesia, minggu depan.

Beliau bertanding dalam Kelas I (85-90kg) pada kejohanan tersebut.

“Sudah pastinya saya akan memberi yang terbaik bagi kejohanan ini. Saya dapat rasakan di dalam hati dan naluri bahawa saya mampu melakukannya.”

“Kategori yang akan saya bertanding nanti merupakan kategori yang pernah saya juarai pada 2012.

“Jika semuanya berjalan lancar tanpa sebarang halangan, saya berharap dapat mencapai matlamat saya itu,” kata Shakir yang muncul juara dunia dalam Kejoohan Pencak Silat Sedunia di Chiang Rai, Thailand, pada 2012.

Namun cabaran terbesarnya adalah memastikan kecergasannya berada pada tahap tinggi.

Beliau yang mengalami kecederaan serius pada lututnya sehingga perlu menjalani pembedahan tahun lalu, menekankan bahawa usaha memberi tumpuan terhadap pemulihannya telah membuahkan hasil.

“Setakat ini, semuanya berjalan dengan lancar. Kini hampir setahun lebih sejak saya alami kecederaan ini dan saya telah menjalani sesi pemulihan bersama pakar daripada Institut Sukan Singapura (SSI) dan dapati kecederaan ini tidak berulang.

“Setelah melalui program berbeza untuk menguatkan otot kaki saya, saya berasa lebih yakin untuk memberi yang sebaiknya semasa kejohanan dunia itu nanti,” ujar beliau lagi.

Jadi pesilat sepenuh masa bantu Suhaila beri penuh tumpuan

SRIKANDI silat negara, Nurul Suhaila Mohd Saiful, mahu membuktikan beliau mampu menjadi pesaing utama di Kejoohan Pencak Silat Sedunia di Bali sekali gus menunjukkan kebolehan sebenarnya.

Beliau telah menetapkan matlamat mencapai gelaran juara dunia selepas memenangi pingat emas kedua dalam kerjayanya dalam Kejoohan Pencak Silat Antarabangsa Terbuka Belanda baru-baru ini.

Nurul Suhaila, 21 tahun, akan melangkahhkan kaki ke kejohanan dunia ini dengan harapan dan kepercayaan diri yang baru setelah gagal mendapat pingat emas di kejohanan tersebut di Phuket, Thailand, tahun lalu.

Meskipun tewas di peringkat akhir menentang pesilat Indonesia, Selly Andriani, dalam kategori tanding Kelas D (60-65kg) wanita, Nurul Suhaila telah menunjukkan pencapaian memberangsangkan berbanding prestasinya di kejohanan dunia 2012 apabila beliau membawa pulang pingat gangsa.

Setelah kecewa buat kali kedua, pemegang Biasiswa Kecewa merlangan Sukan (Spex) itu kini lebih yakin dan merasakan sasarannya boleh dicapai selepas menyertai pasukan silat Singapura secara sepenuh masa.

“Perbezaan kali ini buat diri saya untuk kejohanan dunia ini adalah saya dapat beri tumpuan sepenuhnya pada latihan, kerana tahun lalu saya perlu imbangi masa sekolah dan latihan.

“Namun, sekarang saya leb-



MEMBURU IMPIAN: Selepas meraih pingat emasnya yang kedua di Belanda, Nurul Suhailah kini lebih yakin dapat menambah bilangan pingat emas di Bali nanti.

ih fokus, lebih tenang dan berkeyakinan tinggi kerana saya kini pesilat sepenuh masa.

“Peluang berlatih dengan bekas juara dunia seperti Shakir Juanda juga membantu dalam mempersiapkan diri menghadapi persaingan di kejohanan di Bali nanti,” tegas bekas penuntut Politeknik Ngee Ann itu.

Menurut Nurul Suhaila, beliau telah menetapkan mahu memenangi pingat emas dalam setiap kejohanan yang disertainya selepas menerima Biasiswa Spex.

Walaupun gagal mencapai emas di temasya Sukan Pantai Asia Ke-5 di Danang, Vietnam, bulan lalu, beliau tidak akan berhenti mencapai sasarannya.

“Saya sering ingatkan diri bahawa tidak kira apa jua keadaan, saya harus menjadi lebih baik daripada semalam.

“Saya kini sedang memberi tumpuan sepenuhnya kepada kejohanan dunia yang bakal berlangsung dan saya hanya dapat menumpukan perhatian kepada latihan,” ujar beliau.